

SPESIFIKASI STANDARD DURIAN BELANDA

1. SKOP

Spesifikasi standard ini adalah untuk Durian Belanda atau nama botaninya *Annanona muricata* L. dari keluarga Annonaceae yang dipasarkan untuk kegunaan segar. Ia juga dikenali sebagai Nona Belanda atau Durian Benggala.

2. DEFINISI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi ini, terma-terma yang digunakan akan bermaksud

- 2.1. **Kematangan** - Terdiri daripada tiga (3) indeks seperti berikut:

2.1.1. **Indeks 1**: Permukaan kulit menggerutu, kasar dan berwarna hijau tua. Duri agak rapat, panjang dan keras. Isi berwarna putih krim dan biji bewarna perang. Belum matang.

2.1.2. **Indeks 2**: Permukaan kulit tegang, kesat dan berwarna hijau muda. Duri jarang, pendek dan agak lembut. Isi berwarna putih krim dan biji berwarna hitam. Matang.

2.1.3. **Indeks 3**: Permukaan kulit tegang, agak berkilat dan berwarna hijau kekuningan. Duri jarang, pendek dan lembut. Isi berwarna putih krim, lembut, beraroma dan biji bewarna hitam. Rasa manis masam dan berjus. Masak.

2.1.4. **Indeks 4**: Permukaan kulit dan duri berwarna kehitaman. Isi berwarna putih, lembik, beraroma dan biji bewarna hitam. Rasa agak masam dan lebih berjus. Terlalu Masak.

2.2. **Kematangan Seragam** - Konsainan dianggap seragam apabila mempunyai satu indeks atau gabungan indeks 2 dan 3 sahaja dalam satu pembungkusan.

2.3. **Segar** - Mempunyai kulit yang tegang dan berkilat.

2.4. **Bersih** - Bebas daripada kesan kotoran dan benda asing.

- 2.5. **Kecacatan** - Mempunyai tanda-tanda yang menjelaskan persembahan seperti kotor, cacat bentuk dan cacat rupa.
 - 2.5.1. **Kotor** - Terdapat kesan-kesan yang tidak dibersihkan seperti koya, sarang serangga, tanah dan lain-lain benda asing.
 - 2.5.2. **Cacat bentuk** - Berbentuk tidak normal seperti berbonggol dan terlalu bengkok bagi varieti berkenaan.
 - 2.5.3. **Cacat rupa** - Mempunyai tanda-tanda yang mencacatkan rupa luaran seperti karat, kulapuk dan kesan parut yang tidak boleh dibersihkan tetapi tidak menjelaskan isi. Kesan ini meliputi lebih 10% pada permukaan kulit buah.
- 2.6. **Rosak** - Sebarang kecederaan atau kecacatan disebabkan oleh kesan mekanikal, perosak dan penyakit yang menjelaskan rupa keseluruhan, kualiti dan tempoh simpan.
 - 2.6.1. Kecederaan semasa pengendalian seperti luka, pecah dan lebam.
 - 2.6.2. Kesan gigitan atau lubang disebabkan oleh makhluk perosak.
 - 2.6.3. Kesan jangkitan penyakit seperti busuk, reput dan berkulat yang disebabkan oleh organisma mikro.

3. KEPERLUAN MINIMUM

- 3.1. Agak bebas daripada rosak disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak atau penyakit.
- 3.2. Agak bebas daripada kecacatan dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.
- 3.3. Telah mencapai tahap kematangan seperti yang dikehendaki oleh pasaran. (Indeks 2 dan 3)
- 3.4. Tangkai buah dipotong tidak melebihi 1sm.

4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

4.1. Durian Belanda dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:

GRED	SPESIFIKASI	KELONGGARAN (Maksimum)	(%)
Premium	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	≤ 5 ≤ 5 ≤ 3 ≤ 5 ≤ 10
1	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	≤ 10 ≤ 5 ≤ 5 ≤ 10 ≤ 10
2	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	≤ 10 ≤ 10 ≤ 5 ≤ 10 ≤ 10

4.2. Bagi Durian Belanda, saiz ditentukan oleh berat dalam unit gram (g) seperti mana jadual berikut:

SAIZ	KOD		BERAT (gram)
Besar	L	A	>1200
Sedang	M	B	800 – 1200
Kecil	S	C	400 – 800

5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

5.1. Pembungkusan

- 5.1.1. Durian Belanda daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.2. Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.3. Bahan yang digunakan untuk membungkus hendaklah bebas daripada bahan kimia.
- 5.1.4. Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

5.2. Pelabelan

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1. Tarikh:
- 5.2.2. Nama/Kod Penanam
- 5.2.3. Nama/Kod pengeksport
- 5.2.4. No. Kad Pengenalan
- 5.2.5. No. Pendaftaran syarikat
- 5.2.6. Alamat
- 5.2.7. Komoditi
- 5.2.8. Berat bersih
- 5.2.9. Gred

6. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 78 “*Method Of Sampling Fresh Fruits*” atau kaedah statistik yang dipersetujui.